

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the word 'e-newsletter' is written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

CREATE

e-newsletter

Guna teknologi, *e-Learning* maksima impak pengalaman

Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengaktifkan kelas maya (*e-Learning*) dalam semua aktiviti 2020. Ini adalah rentetan pengumuman dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/2020 yang dikeluarkan oleh pihak penularan penyakit berjangkit COVIS-19 yang melanda negara.

Bagi pensyarah dari Fakulti Komputeran, Ts. Aziman Abdullah, menggunakan kaedah *e-Learning* Pembelajaran UMP (KALAM) dan Google Classroom.

“Bagi Google Classroom ianya lebih sesuai kepada pemakluman dan dapat memberi maklum balas manakala KALAM pula lebih kepada keperluan akreditasi atau perkara rasmi berkaitan universiti,” ujarnya.

Misalannya, beliau telah mereka bentuk aktiviti pembelajaran dengan membuat *proposal*.

“Pelajar perlu menggunakan waktu atau sesi yang dijadualkan untuk menyelesaikan tugas pada waktu yang memerlukan pelajar ke dewan kuliah.

“Pensyarah perlu menggunakan teknologi *e-Learning* ini untuk memaksimumkan impak pengalaman pembelajaran.

“Selain itu, ianya sangat praktikal bukan sahaja pada waktu musim terdesak seperti ancaman wabak pada waktu pengkuliahan biasa,” katanya.

Tambah beliau lagi, cabaran terbesar dalam *e-Learning* adalah sikap dan mentaliti pendidik yang tidak ingi sedia ada.

Manakala menurut Timbalan Pengarah Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (CIReL) yang juga Ts. Dr Awanis Romli pula memilih aplikasi *Google Meet* untuk pengajaran bersama pelajar yang baru-baru ini.

Beliau berbangga dengan maklum balas pelajar yang amat menggalakkan dan menyeronokkan menerusi boleh belajar di mana-mana sahaja.

“Tambahan pula, UMP melanggan *GSuites for Education* yang membolehkan semua aplikasi dalam *GSuites* semua pensyarah dan pelajar,” katanya.

Begitu juga dengan pensyarah Fakulti Pengurusan Industri (FIM), D. Suhaidah Hussain berkata, pengajaran

“Menerusi kaedah ini, ianya dapat membantu pensyarah dan pelajar untuk meneruskan pembelajaran pengkuliahan.

“Di samping itu, bagi kelas tutorial atau forum antara pelajar dan pensyarah dapat dijalankan dengan meng

“Cabaran utama adalah kekangan talian internet pelajar yang mana kadangkala ianya agak terhad di kawasan bukan halangan buat pensyarah dan pelajar untuk meneruskan pengajian dalam memanfaatkan teknologi s

Selaras dengan perutusan khas YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 berkenaan pelanjutan pelaksanaan negara dan penutupan semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam, maka Universiti Malaysia Pahang perkhidmatan bermula 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020.

Sehubungan itu, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, pihak universiti memutuskan bahawa

termasuk dalam talian dilaksanakan.

Pihak universiti juga akan membuat pindaan terhadap kalendar akademik bagi Semester II, Sesi 2019/2020 kemudian.

Sukarelawan UMP urus *Campus Pantry* manfaatkan

Seramai 200 sukarelawan membabitkan 110 orang sukarelawan di UMP Kampus Gambang dan 90 sukarelawan membangunkan UMP *Campus Pantry* di kedua-dua kampus pada 13 Mac 2020 yang lalu.

Mereka ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu menguruskan makanan kering termasuk keperluan harian dan lain-lain manakala satu lagi kumpulan mengendalikan makanan basah yang terdiri daripada sayur-sayuran.

Menurut Ketua Sukarelawan UMP, Ikmal Shauqi Burhan, 20, seawal jam 7.30 pagi lagi sukarelawan akan mendapatkan lebih jualan sayuran yang akan diberikan oleh peniaga atau penyumbang.

“Bekalan makanan tersebut akan dibawa ke Masjid UMP untuk proses pengasingan dan menyalin sebelum tinggal di luar kampus.

Pada kebiasaannya, waktu edaran adalah sekitar jam 4.00 petang kerana pada waktu ini ada segelintir sukarelawan katanya.

Sukarelawan bertugas akan memastikan makanan seperti roti, biskut dan barangan keperluan berkeperluan disediakan.

Pihaknya mengucapkan terima kasih kepada UMP yang sentiasa cakna dan prihatin terhadap kebajikan pe-

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie UMP *Campus Pantry* sejak awal lagi sebelum pihak Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal E UMP.

“UMP *Campus Pantry* ini memperuntukkan makanan basah dan kering dengan hasil kerjasama sumbangan orang persendirian dan pihak pasar raya yang datang untuk menyumbang kepada UMP.

“Pada masa yang sama kita turut mendapat sumbangan dari Yayasan UMP yang banyak membantu UMP

“Sehingga kini, seramai 1500 pelajar yang telah menikmati kemudahan di UMP *Campus Pantry*, malah iany

Disebabkan kita mempunyai 60 peratus pelajar yang tergolong dalam golongan B40 iaitu yang berpendapa

Jelas beliau lagi, daripada jumlah tersebut juga sebanyak 28 peratus pelajar terdiri dari golongan yang berp

“Justeru, ia amat membantu meringankan bebanan yang ditanggung pelajar.

“UMP *Campus Pantry* kini dibuka pada sesi pagi dan sesi petang dan kebiasaannya barang habis diambil o

“Pelajar yang mempunyai masalah kewangan dan ingin mendapat bekalan makanan hanya perlu datang hanya mendaftar di sistem yang disediakan sahaja,” katanya.

Bagi salah seorang penyumbang, Tan Kwai Loon yang juga merupakan alumni UMP berkata, setiap minggu kg sayuran seperti timun, sawi, kangkung, peria, cili, dan banyak lagi.

“Sayur-sayur ini bukan yang rosak tetapi lebih jualan yang masih boleh digunakan dan ia hasil tanaman o

Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) akan sentiasa memastikan mendapat bekalan y penghujung semester, apabila pada saat inilah kebanyakan pelajar lebih memerlukan makanan dan kewan

COVID-19: Sabar dan duduk rumah prasyarat mendapat

Oleh: DR. AHMAD IRFAN IKMAL HISHAM

e-Mel: irfan@ump.edu.my

Pandemik wabak penyakit bukanlah satu perkara baharu dalam tamadun manusia. Sedari tahun 165 M, *Antonine Plague*. Penyakit ini merebak di Mesir, Greek dan Italy. Ia dikatakan dibawa melalui darat oleh Tamadun Mesopotamia.

Antara tahun 1346-1353 M pula, pandemik *The Black Death* menyerang benua Eropah, Afrika dan Asia. dan kuman yang diangkut menerusi kapal dagangan menerusi laluan laut. Sekurang-kurangnya 75 juta nya

Pada zaman moden, dengan populasi manusia semakin bertambah selain kemudahan pengangkutan bukanlah satu perkara yang pelik. Pandemik influenza yang melanda dunia antara tahun 1918 hingga 1919 dalam tempoh yang singkat

Sekarang, tamadun manusia diuji lagi dengan pandemik Covid-19. Dalam masa yang pantas, ribuan ma dijangkiti. Pada permulaan penyebaran virus baharu ini, ia hanya tertumpu di negara China. Namun daripada merentasi sempadan pelbagai negara.

Terdapat naratif berdalilkan hujah agama yang kurang cermat dalam menyantuni penyebaran Covid-19. Kafarah terhadap kezaliman negara China ke atas Muslim Uighur, sehingga langsung tidak melanda. Kemudian diikuti pula dengan naratif eskatologi, bahawa dunia sudah menghampiri penghujungnya. Tidak jangan lupa bahawa kelahiran Nabi Muhammad SAW itu sendiri merupakan petanda akhir zaman, bahawa penyakit telah berlaku pada skala yang besar.

Terdapat banyak dalil al-Quran dan al-Hadith yang menerangkan betapa musibah itu adalah azab kecil akibat tangan manusia. Tetapi ia juga menjadi rahmat kepada Mukmin yang bersabar dan memberikan respon sepotong hadith Sahih Bukhari, Aisyah bertanya kepada Nabi Muhammad SAW mengenai taun.

Jawab Nabi:

la adalah suatu azab yang diutuskan Allah ke atas sesiapa yang dikehendaki-Nya. Lalu dijadikan mukminin. Maka tidaklah seorang hamba itu ditimpa taun lalu dia duduk menetap di negerinya dan ada yang menyimpannya kecuali apa yang telah dituliskan oleh Allah kepadanya, melainkan baginya

Hadith ini jelas menerangkan respon sebenar umat Islam dalam berhadapan dengan Covid-19. Bukan ketentuan Allah SWT semata-mata, tetapi perlu berikhtiar dengan tidak keluar daripada daerah kediamannya.

Di Malaysia, kerajaan telah menetapkan Perintah Kawalan Pergerakan sebagai ikhtiar untuk membendung kecuaihan segelintir saudara kita. Tindakan ini terbukti berjaya mengurangkan secara drastik penyebaran Wuhan, China.

Tindakan yang sama pernah direkodkan dalam sejarah Islam. Menurut catatan Ibn al-Athir, pada tahun 1055M Tamadun Islam di Makkah, Iraq, Palestin dan Sham. Imam al-Zahabi meriwayatkan sekitar tahun 1055M ditutup, dan langsung tidak didirikan solat (Siyar A'lam al-Nubala', 18/311).

Dalam berhadapan dengan Covid-19 ini, majoriti penduduk dunia tiada langsung pengalaman untuk memastikannya. Masih berlaku tindakan yang dilihat sebagai mementingkan diri sendiri, terutama tidak mementingkan Perintah rakyat Malaysia dapat memberikan respon yang lebih baik dalam membendung penularan wabak ini, khususnya itu adalah prasyarat yang dinyatakan Nabi untuk melayakkan kita mendapat rahmat di sebalik ujian penyakit berjangkit.

Penulis ialah Ketua Program Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Mendidik Manusia Menjadi Manusia

Oleh: Dr. Hasnah Hussiin

e-Mel: hasnah@ump.edu.my

Dewasa ini kita sering dikejutkan dengan pelbagai isu kemanusiaan seperti peperangan, pembunuhan, penyeksaan, konflik agama, bencana alam dan yang terkini serangan virus Covid-19. Semua ini berpunca dari hilangnya nilai-nilai kemanusiaan dalam diri manusia pada hari ini. Secara amnya, dunia sekarang adalah zaman-zaman terdahulu. Moden kerana manusia mampu mencipta pelbagai teknologi untuk memudahkan kehidupan.

Kini, manusia mampu untuk bergerak dalam masa yang pantas, memudahkan manusia berkomunikasi menggunakan alam maya, pengeluaran bertambah dengan wujudnya mesin dan jentera dalam sektor perindustrian. Zaman ini ilmu hanya di hujung jari. Namun, adakah kita sedar, kemajuan teknologi dilihat tidak seiring dengan kemajuan sesuatu bangsa itu bertamadun, sebaiknya teknologi dan nilai kemanusiaan itu berjalan seiring agar ia membawa kebaikan kepada bumi dan manusia sejagat. Tetapi, apa yang kita dapat lihat pada hari ini manusia hanya maju pada teknologi tetapi kurang bertamadun dan beretika.

Seseorang yang dilahirkan ke muka bumi ini memerlukan pendidikan bagi menjadikannya manusia. Apabila mendidik jiwa manusia menjadi manusia yang baik dan beretika adalah pendidikan kemanusiaan. Persoalan manusia itu manusia? Persoalan ini timbul kerana ada dalam kalangan manusia pada hari ini walaupun mereka beragama, kelakuan dan etika mereka tidak mencerminkan bahawa mereka itu adalah manusia. Ini terjadi kerana mereka tidak berperikemanusiaan, membuat sesuatu di luar batas kemanusiaan, tidak mengenal apa yang baik dan apa yang buruk, tidak boleh dimakan, melanggar hak asasi manusia serta hak-hak alam sejagat yang saling memelihara keharmonian alam, bukan memusnahkan alam akibat tangan-tangan manusia itu sendiri.

Antara perkara serius yang melanda dunia pada hari ini adalah penyakit bawaan Virus Covid-19 yang telah termasuklah di Malaysia. Virus ini telah merebak ke hampir seluruh dunia. Seluruh penduduk dunia mengalami angka kematian. Tidak keterlaluan jika manusia hari ini berada dalam ketakutan akibat serangan virus ini. Pada hari ini, kita telah melihat melalui media sosial tentang kehidupan dan gaya hidup sesetengah masyarakat di negara-negara yang tidak berperikemanusiaan.

Mengapa dikatakan begini? Adakah Virus Covid-19 ini ada kaitan dengan perbuatan mereka? Walaupun manusia itu beragama, virus ini, kita telah menyaksikan ada manusia yang memakan kelawar sebagai hidangan sup dan berjualan daging kucing, anjing, monyet, ular dan sebagainya. Perbuatan memakan binatang eksotik seperti ini sebenarnya adalah tidak berperikemanusiaan. China malahan ada manusia di beberapa buah negara lain juga mempunyai selera eksotik. Perbuatan mereka memakan binatang hidup, memasak binatang hidup-hidup untuk dijadikan santapan mereka adalah sangat tidak berperikemanusiaan.

Persoalan yang timbul adalah, apakah manusia tersebut sudah tiada bekalan makanan untuk dimakan? Apakah manusia tersebut memakan makanan sedangkan negara mereka mempunyai bekalan makanan yang cukup untuk rakyatnya? Apakah manusia tersebut memakan sesuatu yang eksotik? Apakah manusia sudah tidak boleh mengenal mana makanan yang baik untuk kesihatan? Pada hari ini sudah tiada nilai-nilai kemanusiaan? Mengapa ini berlaku? Tidak keterlaluan jika dikatakan akibat

berperikemanusiaan inilah yang menyebabkan bumi yang kita diami ini mengalami masalah, turunnya ba yang tidak baik berlaku di seluruh dunia.

Selain dari perbuatan manusia yang memakan makanan yang tidak sepatutnya, kita juga dikejutkan dengan pembunuhan binatang, membunuh binatang demi kepuasan dan kegilaan mereka. Ia berlaku di mana-mana sahaja selalunya dengan perbuatan segelintir individu yang membunuh kucing dalam mesin basuh, menembak monyet yang ditangkap, memotong anggota badan binatang dan sebagainya.

Undang-undang negara tidak mampu membendung masalah seperti ini, kerana ia masih dianggap masalah yang besar yang dihadapi oleh negara. Dengan kata lain, kita tidak boleh bersandar kepada undang-undang kerana kemanusiaan perlu memainkan peranan untuk mendidik masyarakat. Walaupun perbuatan ini dianggap kekejaman dan masyarakat tidak lagi mempunyai sifat kemanusiaan.

Perbuatan manusia yang tidak berperikemanusiaan juga dapat dilihat dengan wujudnya kes-kes pembunuhan di negara baru-baru ini. Kita telah melihat pembunuhan kejam terhadap manusia yang tidak berdosa yang berjalan untuk ke sekolah, orang tua yang berjalan ke masjid, pengeboman kediaman serta pembunuhan terhadap agama Islam di Uyghur. Di Malaysia pula, wujud pembunuhan dengan membakar mayat, membunuh untuk membunuh mayat dan simen mayat untuk menyembunyikan perbuatan mereka. Inilah tanda-tanda kehilangan nilai-nilai manusia hari ini.

Apa yang ingin dirungkaikan di sini adalah, di manakah nilai-nilai kemanusiaan dalam diri manusia hari ini? Alam ekologi turut berubah kerana manusia telah merubah habitat atau kitaran kehidupan asal yang sepatutnya dengan kepupusan sesetengah binatang kerana ia telah menjadi sasaran santapan manusia. Manusia yang rakus dan mati tanpa pewaris. Sebagai balasan kepada manusia yang memakan apa sahaja, tanpa mengambil kira keseimbangan alam melayang.

Untuk mendidik generasi baharu akan pentingnya ilmu kemanusiaan untuk menjadi manusia, maka keseimbangan dikesampingkan dalam sistem pendidikan yang kini sangat menekankan kepada Sains, Teknologi dan Inovasi. Keseimbangan di antara fizikal dan kemanusiaan. Generasi baharu perlu dididik dengan nilai-nilai kemanusiaan dan kesejahteraan. Apa yang ingin ditekankan di sini adalah ilmu fizikal itu perlu sama pemberatannya dengan ilmu kemanusiaan dilahirkan itu lebih seimbang. Justeru, dalam konteks negara Malaysia, pendidikan seperti pendidikan moden ini perlu seiring dengan ilmu yang lain iaitu sama pemberatannya 50-50.

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) Universiti Malaysia Pahang.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang dikembalikan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap pandangan yang dikemukakan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikembalikan selayaknya dikembalikan. Sumbangan karya tulis yang dikembalikan kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 141 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

